

SUATU GAMBARAN YANG JELAS TENTANG NEGARA INDONESIA

Mr Sjafruddin Prawiranegara menggambarkan keadaan Indonesia sebelum meletusnya pemberontakan dan terdirinya pemerintah revolusioner yang dipimpinnya.

Doktor Shakhat menutup laporannya tentang Indonesia sebagai berikut:

“Saya tutup laporan ini dengan keyakinan yang kuat, bahawa Indonesia akan berbahagia kelak, jika rakyatnya mahu kembali menjadi rajin, berdisiplin dan tertib. Krisis yang dihadapi oleh Indonesia ialah disebabkan hal-hal yang disebutkan itu belum lagi terjadi. Tetapi soal ini bukan merupakan soal kewangan atau ekonomi, melainkan soal politik.

Pada dewasa ini belum dapat dikatakan bahawa ada krisis ekonomi atau kewangan. Dan itu pun kemudian hari dapat diatasi jika pemerintah memperlihatkan ketetapan hati dan kekuasaannya.

Barangkali dari seluruh laporan Dr Shakhat itu yang terpenting, yang patut diperhatikan oleh tiap-tiap pemimpin Indonesia yang merasa bertanggungjawab atas nasib negerinya, ialah kesimpulan yang dikemukakan di atas tadi. Orang boleh berselisih faham tentang berbagai pendapat yang dikemukakan oleh Dr Shakhat dalam laporannya itu, tetapi, tentang kesimpulannya tak ada siapa yang akan membantahnya.

Segala kekeruhan dan kekacauan yang didapatinya di Indonesia adalah berbalik kepada suatu hal iaitu

rakyat Indonesia termasuk pemimpin-pemimpin, pada umumnya belum lagi kembali rajin, berdisiplin dan tertib.

Jika seperti yang yang kerap kali berlaku, iaitu hasil pengeluaran merosot dan disiplin kerja dari kaum buruh sangat kurang, maka dalil ini yang sebenarnya bukan hanya mengenai kaum buruh sahaja, melainkan dapat dikenakan pula kepada seluruh lapisan masyarakat termasuk alat-alat pemerintahan dan dewan-dewan perwakilan, baik di pusat, mahupun di daerah.

Kedudukan Masalah Yang Sebenar

Apabila kita sudah sedar tentang sifat masalah yang sebenarnya kita hadapi, maka kita akan membenarkan bahawa pemecahan masalah itu tidak dapat diserahkan kepada pemerintah sahaja. Apabila penyakit malas dan kurang disiplin menimpa seluruh tubuh dan jiwa masyarakat – sampai kepada alat-alat pemerintahan, baik di bawah ataupun di atas – maka masyarakat bukan lagi merupakan masalah politik yang hanya dapat dipecahkan oleh suatu pemerintah yang kuat dan berkuasa, sebagai yang dikatakan oleh Dr Shakhat, tetapi masalahnya bersifat suatu penyakit masyarakat yang boleh disembuhkan oleh pemimpin yang tidak dihindari oleh penyakit itu.

Di sinilah pendapat Dr Shakhat itu kurang

tepat. Kesimpulan yang dibuatnya – rakyat malas dan kurang disiplin – adalah benar, tetapi ubatnya menurut hemat kami, tidak benar. Bagaimana pemerintah yang sedia berpenyakit itu dapat menyembuhkan masyarakat? Hanya pemerintah yang sihat dan kuat, yang menyembuhkan penyakit itu.

Soal Kekuasaan

Hanya sahsiah seseorang memimpin – bukan jawatannya – yang dapat membawa masyarakat kita kepada jalan yang benar.

...Malangnya kebanyakan pemimpin-pemimpin Indonesia hanya merebut pengaruh dan kekuasaan, hanya asyik merebut kerusi dengan sebanyak-banyaknya di dalam pemerintahan, hingga lupa akan asas kesopanan dan kejujuran, dan lupa pula akan pekerjaan yang lebih berguna bagi kemajuan dan kemakmuran rakyat.

Pemimpin Yang Sedar

Kata seorang pujangga yang terkenal: “Zaman sekarang ialah zaman gila, siapa yang tidak turut gila tidak akan mendapat bahagian apa-apa, tetapi sebahagian orang gila adalah lebih berbahagia daripada orang yang ingat dan sedar.”

Orang yang ingat dan sedar itu ialah orang yang sedar bahawa di atas kekuasaan manusia masih ada kekuasaan yang lebih tinggi, kekuasaan Tuhan yang menyuruh kita mencintai dan menghormati sesama manusia. Dan menyuruh kita berbuat adil.

Pemimpin-pemimpin yang ingat dan sedar, pemimpin-pemimpin yang tidak haus akan kekuasaan, tetapi juga tidak akan menolak kekuasaan itu, apabila mereka yakin bahawa kekuasaan yang diberikan kepada mereka akan dapat

mereka gunakan untuk keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Pemimpin-pemimpin yang demikianlah yang kita kehendaki dewasa ini.

Pendeknya, masalah yang kita hadapi tidak akan dapat dipecahkan dengan cara-cara dan alat-alat politik, melainkan terutama dengan menukar lebih dahulu akan falsafah dan pandangan kita terhadap soal-soal hidup dan mati, dunia dan akhirat.

Kita, hendaklah kembali dahulu kepada pokoknya, pandangan kita terhadap alam sekitar kita dan terhadap manusia di sekeliling kita. Jika kita telah memperoleh pandangan yang sihat, bersih dari kekotoran yang terbawa oleh nafsu dan sentimen, baharulah kita akan dapat diharap, bahawa kita akan sanggup menggunakan kekuasaan politik selaras dengan kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Penyakit Masyarakat

Penyakit masyarakat dewasa ini ialah pandangan yang salah, yang dianut rata-rata oleh tiap-tiap pemimpin, terhadap hubungan antara negara dan perseorangan. Orang mengira bahawa kemerdekaan akan membawa kita ke dalam syurga. Orang menyangka bahawa dengan kekuasaan politik dari sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, orang dapat menukar dengan sekaligus akan nasib rakyat yang miskin dan menderita, menjadi rakyat yang makmur dan berbahagia. Buat sahaja undang-undang dan peraturan-peraturan untuk melindungi rakyat yang miskin dan lemah terhadap penghisapan dan akal busuk kaum kapitalis asing. Buat sahaja undang-undang dan peraturan-peraturan untuk membentuk dalam waktu yang singkat suatu ekonomi nasional yang kuat. Jadikanlah segala perusahaan-perusahaan yang penting, yang masih dikuasai

orang asing, menjadi hak milik negara, supaya

seluruh keuntungan jatuh kepada rakyat.

Seluruh akal dan kesibukan dicurahkan kepada satu pekerjaan: Membuat undang-undang dan peraturan-peraturan yang kekuasaannya sudah ada di tangan kita, untuk melaksanakan keadilan masyarakat.

Pemimpin-pemimpin kita demikian sibuknya membuat undang-undang dan peraturan itu, hingga mereka lupa, bahawa yang diaturkan oleh mereka bukanlah batu yang mati, melainkan manusia yang hidup, orang-orang perseorangan yang berakal, berperasaan, berkehendak....

Pernahkah mereka ditanyakan dengan bersungguh-sungguh, adakah mereka mahu diatur demikian?

Pernahkah diselidiki dengan saksama, adakah mereka itu bersungguh-sungguh mengerti akan perlindungan yang katanya diberikan kepada mereka oleh pemerintah dengan undang-undang dan peraturannya itu?

Pernahkah ditimbang dengan bersungguh-sungguh akan sikap mereka yang hendak disingkirkan ke belakang untuk memberi tempat kepada yang miskin dan lemah, yang diperindungi itu?

Tidakkah dikhuatirkan, bahawa mereka itu dengan cara halal dan haram akan mencari jalan untuk menyelamatkan diri?

Tahukah alat-alat pemerintahan sendiri tentang adanya dan maksudnya segala undang-undang dan peraturan-peraturan itu? Kalau tidak, bagaimana boleh diharapkan bahawa mereka itu akan dapat menjalankan sebagaimana mestinya?

Hujan Undang-Undang

Pemimpin-pemimpin politik dan orang besar-orang besar negara

ari atas sampai ke bawah, sibuk memikirkan dan membuat berbagai-bagai undang-undang, peraturan dan rancangan, diselangi dengan berbagai-bagai usul dan keputusan, yang semuanya itu hanya membingungkan, baik rakyat biasa ataupun alat-alat pemerintah. Rakyat menunggu bantuan yang sebenar-benarnya, tetapi malangnya mereka terpaksa hidup dalam alam janji-janji sahaja. Pegawai pemerintah pada tiap-tiap hari dihujani undang-undang dan peraturan-peraturan yang tak boleh atau yang sukar dijalankan, ataupun kalau dijalankan, hanya akan merugikan rakyat yang katanya dilindungi. Tugas yang dekat dan nyata tidak dikerjakan, kerana nampaknya kecil dan remeh. Akhirnya rakyatlah yang menanggung dengan sia-sia akan bantuan dari pemerintah, kembali mencari bantuan dari pihak yang dikatakan “penindas dan penghisap-hisapnya”, yang lebih mengerti tentang sifat-sifat kelemahan dan kekurangan manusia. Akhirnya, rakyatlah yang sentiasa menghadapi alat-alat kekuasaan, (pegawai pemerintah, termasuk polis dan tentera), yang perbuatannya acap kali tidak difaham dan dirasai sangat tidak adil, mencari perlindungan diri atau menggabungkan diri gerombolan-gerombolan yang menentang pemerintah.

Dengan demikian, maka banyaklah sekali masa dan wang yang dibuang dengan sia-sia.

Di sinilah letaknya kesalahan cara berfikir kebanyakan pemimpin-pemimpin itu. Mereka menyangka bahawa negara ialah kekuasaan yang tertinggi, yang dapat menentukan dan mengubah secara cepat akan nasib rakyat. Mereka menyangka bahawa kemiskinan dan kejahatan dapat dihapuskan hanya dengan undang-undang dan kekerasan. Dan oleh kerana itu mereka berlumba-lumba merubah kekuasaan politik.

Mereka lupa, bahawa manusia, sebagai makhluk Tuhan, sebagai orang-orang perseorangan, tidak dapat

dipaksa menjadi kaya, apabila ia lebih suka tinggal miskin. Tidak dapat dipaksa menjadi miskin apabila ia berkeras hati hendak menjadi kaya. Tidak dapat dipaksa menjadi baik, jika ia suka tinggal jahat.

Ia dapat dihancurkan binasakan: Si miskin, si kaya, si jahat, tetapi itu bukan berarti bahawa kemiskinan dan kejahatan akan lenyap pula. Sebab yang menghancurkan hanya manusia belaka, ertinya juga di antara mereka ada yang kuat dan ada yang lemah, ada cukup dan ada yang kekurangan.

Pendeknya, manusia sebagai makhluk Tuhan, sebagai orang perseorangan, berdiri di atas segala undang-undang dan paksaan (kekuasaan) manusia. Dan kekuasaan negara itu hanyalah merupakan kekuasaan manusia. Setinggi-tinggi kekuasaan negara, namun masih ada kekuasaan yang lebih tinggi, kekuasaan ghaib, kekuasaan Tuhan.

Ada pepatah Inggeris yang mengatakan, bahawa parlimen Inggeris itu berkuasa membuat sebarang peraturan, tetapi ia tidak dapat mengubat ayam betina menjadi ayam jantan meskipun dikatakan sebagai suatu jenaka, tetapi pepatah itu mengandungi suatu kebenaran yang dalam sekali ertinya.

Negara yang tidak dapat mengubah sifat-sifat dan tabiat orang-orang perseorangan. Negara hanya dapat mengatur perhubungan antara orang-orang perseorangan sesama sendiri.

Jelasnya, peraturan negara tidak boleh didasarkan atas kebencian terhadap sesuatu golongan atau bangsa. Dalam hal ini Islam tegas sekali. Keadilan yang

tidak memandang bulu atau tidak memandang tali kerabat.

Inilah yang harus diperhatikan dan dijalankan oleh kaum Muslimin, sebagaimana yang diterangkan oleh al-Quran al-Karim dan al-Hadis al-Syarif.

Islam Dan Perlindungan

Islam memerintahkan melindungi yang lemah, miskin dan menderita. Tak payah saya kemukakan bukti dari Quran dan hadis. Hal itu cukup diketahui oleh umum. Yang penting diperhatikan ialah bahawa Islam dalam hal perlindungan itu mengenal batas-batas.

Tak usah misalnya orang malas diberi perlindungan. Apabila hak milik si kaya yang telah diperolehi dengan usaha dan kegiatan kerja sendiri, dirampas oleh negara untuk dibahagi-bahagikan kepada kaum pemalas, maka akhirnya tidak ada lagi orang yang mahu bekerja. Dan seluruh masyarakat akan menjadi miskin. Kesalahan yang besar sekali dalam alam fikiran pemimpin-pemimpin kita dewasa ialah, faham, bahawa oleh penindasan orang-orang kaya terhadap orang-orang yang lemah.

Misalnya kita hendak menghapuskan kemiskinan semata-mata dengan mengajar si miskin membenci si kaya, pada hal dengan itu bermakna kita mengajar manusia yang miskin menjadi binatang yang buas.

Apabila kita hendak mengisi kemerdekaan kita, hendaklah kita mulai dengan membersihkan pandangan dan hati kita dari segala kebencian dan kemarahan terhadap siapa-siapa pun. Hendaklah kita mengenal tempat kita sebagai manusia: Di bawah kekuasaan Tuhan dan di tengah-tengah sesama manusia.